ACHI JAYA PLANTATIONS SDN BHD A

lwn.

TUAH GUARD (M) SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
LAU BEE LAN H
[GUAMAN SIVIL NO: S-22-242-2010]
26 OKTOBER 2013

TORT: *Kecuaian - Kontrak perkhidmatan sekuriti - Transaksi pemindahan wang plaintif dari bank ke lokasi yang ditetapkan - Rompakan bersenjata berlaku semasa pemindahan wang dari bank ke van perisai defendan - Sama ada defendan bertanggungjawab terhadap kehilangan wang plaintif - Sama ada prinsip res ipsa loquitur terpakai - Sama ada defendan merupakan baili kepada plaintif - Sama ada plaintif berjaya membuktikan bahawa defendan gagal mengambil langkah-langkah berpatutan untuk melindungi wang plaintif - Sama ada kawalan sebaik mungkin telah diberikan oleh defendan - Sama ada defendan cuai dalam melaksanakan kewajipannya* C D

TORT: *Kecuaian - Bailmen - Kontrak perkhidmatan sekuriti - Tanggungjawab defendan ke atas wang plaintif - Rompakan wang plaintif semasa dalam kawalan defendan - Sama ada defendan merupakan baili kepada plaintif - Sama ada defendan gagal dan cuai dalam melindungi wang plaintif - Kegagalan defendan untuk mengambil langkah-langkah berpatutan untuk melindungi wang plaintif - Sama ada dibuktikan - Sama ada kawalan sebaik mungkin telah diberikan oleh defendan - Port Swettenham Authority v. TW Wu and Co (M) Sdn Bhd - Akta Kontrak 1950, ss. 101, 102 & 104* E F

Plaintif telah menuntut wang sebanyak RM1,068,837.44 daripada defendan atas dakwaan bahawa defendan telah cuai atau memungkiri kontrak yang telah dimasuki di antara mereka. Plaintif dan defendan telah memasuki satu perjanjian ('perjanjian tersebut') untuk perkhidmatan sekuriti oleh defendan. Pada 7 Julai 2008, defendan telah dijadualkan untuk memberi perkhidmatan sekuriti "Cash in Transit" ('CIT') di mana sejumlah wang plaintif bernilai RM1,171,000 perlu dipindahkan dari Maybank Berhad cawangan Labis ke cawangan plaintif di Johor. Semasa transaksi memindahkan wang plaintif daripada bank ke van perisai defendan, G H I

satu kejadian rompakan bersenjata telah berlaku di mana plaintif telah kehilangan wang sejumlah RM1,068,837.44 dari keseluruhan RM1,171,000 tersebut. Berdasarkan fakta kes, defendan telah memberi kuasa kepada pekerjanya, SD2, yang bertugas sebagai pengawal bersenjata api bagi urusan CIT serta ketua pasukan ketika itu untuk menunaikan cek-cek yang dikeluarkan oleh plaintif atas nama defendan ('cek-cek tersebut'). Pada masa kejadian, SD2 bertugas bersama SD3 (pembantu CIT) dan SD4 (pemandu van perisai). Menurut keterangan SD2, sewaktu mengambil beg kedua berisi wang, beliau dipanggil oleh penolong pengurus Maybank Labis untuk berbincang mengenai pengambilan wang dari Maybank Batu Pahat ke Maybank Labis. SD3 pula bertugas untuk memunggah beg berisi wang ke van perisai manakala SD4 akan membuka pintu sisi untuk memasukkan beg tersebut ke dalam ruang simpanan dalam. Kejadian rompakan berlaku apabila beg kedua dihantar ke van perisai dan sebelum SD4 dapat memasukkan beg tersebut ke ruangan simpanan dalam. Ketika itu, SD4 tidak sempat untuk menutup pintu sisi. Antara persoalan yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah (i) sama ada wang RM1,171,000 atau RM1,068,837.44 milik plaintif berada dalam jagaan defendan; (ii) sama ada defendan bertanggungjawab kepada plaintif bagi kehilangan wang tersebut di bawah suatu kontrak bailmen; (iii) sama ada prinsip *res ipsa loquitur* terpakai; dan (iv) sama ada kl. 4.2 perjanjian tersebut terpakai.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif):

(1) Wang berjumlah RM1,068,837.44 milik plaintif telah diserahkan kepada defendan. SP1 menyatakan bahawa tandatangan SD2 di belakang cek-cek tersebut mengesahkan bahawa defendan mengakui penerimaan wang atas nama defendan dan cek-cek tersebut telah ditunaikan. (perenggan 8, 9, 10 & 11)

(2) Defendan merupakan baili kepada plaintif berpandukan ss. 101, 102 dan 104 Akta Kontrak 1950. Ini adalah kerana wang plaintif telah diberi kepada defendan dan oleh itu, berada di bawah jagaan defendan sehingga ia dihantar ke destinasi yang ditetapkan. Defendan telah gagal dan cuai dalam memastikan keselamatan wang tersebut apabila (i) SD4 keluar dari van dan merupakan pengawal yang bersenjata pada hari itu; (ii) SD2 telah melakukan tugas lain yang tidak berkaitan, iaitu berbincang mengenai pengambilan wang dari Maybank

Batu Pahat ke Maybank Labis dengan penolong pengurus Maybank Labis; dan (iii) SD2 telah meminta pengawal bank untuk mengiringi SD3 ketika beg kedua dibawa keluar dari bank ke van (*Port Swettenham Authority v. TW Wu and Co (M) Sdn Bhd*; diikuti). (perenggan 19, 20, 23 & 24)

(3) Atas imbangan kebarangkalian, plaintif telah berjaya membuktikan bahawa wang plaintif telah diserahkan kepada defendan dan defendan telah gagal mengambil langkah-langkah yang perlu, munasabah dan berpatutan untuk melindungi wang plaintif. Defendan juga gagal menghantar wang tersebut ke destinasi yang dijanjikan. Oleh itu, defendan bertanggungjawab menunjukkan bahawa kehilangan wang tersebut bukanlah atas kecuaian defendan. (perenggan 27)

(4) Prinsip *res ipsa loquitur* terpakai dalam kes ini kerana suatu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh plaintif. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab defendan untuk membuktikan sebaliknya bahawa pihak defendan tidak cuai dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap plaintif. Walau bagaimanapun, defendan telah gagal berbuat demikian. (perenggan 28 & 29)

(5) Berdasarkan Arahan Tetap Pengendalian CIT, pemandu mestilah sentiasa berada di dalam van dan bersiap sedia di lokasi pemandu. Walau bagaimanapun, SD4 telah keluar dari kenderaan tersebut. Jika beliau sentiasa bersedia untuk memandu van, maka beliau boleh melarikan kenderaan tersebut semasa rompakan mula berlaku. Atas kegagalan dan kecuaian ini, perompak telah melakukan rompakan tersebut. Dengan itu, kawalan yang sebaik mungkin tidak diberikan oleh defendan. (perenggan 33 & 34)

(6) Peti simpanan di dalam van yang sepatutnya ditutup semasa pintu sisi van masih terbuka memudahkan perompak-perompak untuk merompak wang tersebut. Tambahan, kl. 4.2 Perjanjian tersebut tidak terpakai kerana rompakan itu bukanlah suatu keadaan yang tidak dapat dikawal oleh defendan. Oleh itu, defendan didapati cuai dalam melaksanakan kewajipannya dan menurut kl. 4.1 perjanjian tersebut, defendan harus "indemnify" plaintif. Berdasarkan peruntukan klausa dalam perjanjian tersebut, had liabiliti defendan terhadap plaintif adalah RM1,000,000. (perenggan 40, 42, 42 & 45)

Kes-kes yang dirujuk:

David Chelliah v. Monorail Malaysia Technology Sdn Bhd & Ors [2009] 3 CLJ 771 HC ***(dirujuk)***

Jaya Jusco Stores Sdn Bhd v. Sime Darby Security Services Sdn Bhd & Ors [1999] 1 LNS 175 HC ***(dirujuk)***

Port Swettenham Authority v. TW Wu and Co (M) Sdn Bhd [1975] 1 LNS 124 FC ***(diikuti)***

Teoh Guat Looi v. Ng Hong Guan [1998] 4 CLJ 416 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Contracts Act 1950, ss. 101, 102, 104

Criminal Procedure Code, s. 112

Bagi pihak plaintif - Tony CH Chong; T/n Sidek Teoh Wong & Dennis
Bagi pihak defendan - S Chrishanthini; T/n Murali B Pillai & Assocs

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Lau Bee Lan H:

Latar Belakang

[1] Pada 28 Jun 2013 mahkamah telah menimbangkan hujahan utama dan hujahan balas masing-masing pihak plaintif and defendan dan mahkamah berpendapat atas imbangan kebarangkalian, pihak plaintif telah membuktikan bahawa defendan adalah cuai dan defendan memulangkan wang berjumlah RM1,000,000 kepada plaintif berserta faedah pada kadar 5% ke atas jumlah penghakiman tersebut dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh dan kos. Selanjutnya pada 22 Julai 2013 mahkamah telah menetapkan plaintif membayar defendan kos sebanyak RM45,000. Berikut adalah sebab-sebab bagi penghakiman berkenaan.

[2] Dalam tindakan ini plaintif menuntut daripada defendan jumlah wang sebanyak RM1,068,837.44 bersama faedah dan kos daripada defendan khususnya atas tohmahan bahawa defendan telah cuai atau pun memungkiri kontrak.

[3] Mengikut fakta-fakta yang dipersetujui, plaintif telah memasuki satu perjanjian bertarikh 6 Disember 2007 untuk perkhidmatan sekuriti oleh defendan untuk "valuable in transit and/or vaulting

services bagi pihak plaintif" ("perjanjian tersebut") seperti yang dinyatakan secara khusus di dalam Jadual B kepada perjanjian tersebut.

[4] Kedua-dua plaintif dan defendan bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut.

[5] Pada 7 Julai 2008, defendan telah dijadualkan untuk memberi perkhidmatan sekuriti untuk 'cash in transit' bagi pihak plaintif dari Maybank Bhd cawangan Labis ke cawangan plaintif di Johor.

[6] Pada 7 Julai 2008 plaintif ingin memindahkan sejumlah RM1,171,000 dari Maybank Bhd cawangan Labis ke cawangan plaintif di Johor.

[7] Pada 7 Julai 2008 satu kejadian rompakan bersenjata telah berlaku di mana plaintif telah kehilangan wang berjumlah RM1,068,837.44 dari keseluruhan RM1,171,000 tersebut.

Penemuan Mahkamah

Sama Ada Wang RM1,171,000 Atau RM1,068,837.44 Milik Plaintif Telah Diserahkan Kepada Jagaan Defendan

[8] Saya telah dapati wang berjumlah RM1,068,837.44 milik plaintif telah diserahkan kepada defendan atas keterangan seperti dihuraikan berikutnya.

[9] Wang berjumlah RM1,171,000 tersebut terdiri dari cek-cek yang dikeluarkan oleh plaintif pada 7 Julai 2008 atas nama defendan. Defendan telah memberi kuasa kepada pekerjanya, Sapri bin Mustakim ('SD2'), yang bertugas sebagai pengawal bersenjata api bagi urusan cash in transit (CIT) serta ketua pasukan ketika itu untuk menunaikan cek-cek tersebut. SD2 telah mengesahkan perkara ini berdasarkan surat plaintif kepada defendan (Ikatan B ms. 19) di mana beliau mengesahkan tandatangan beliau di belakang cek-cek tersebut (Ikatan B ms. 20-25). Ismail bin Mohd Ali ('SP2'), pegawai bank defendan di cawangan Maybank Labis ketika itu mengatakan selain dari Safuddin bin Aspan ('SP1'), pegawai kewangan plaintif menandatangani di belakang cek-cek tersebut serta sebagai pengirim bersama defendan untuk saksi wang yang bank berikan kepada plaintif adalah benar, pegawai-pegawai defendan yang telah diberi kuasa untuk mengambil gaji

plaintif seperti di surat berkenaan (Ikatan B ms. 19) perlu tandatangani juga. SP1 juga mengesahkan isu pendatangan cek-cek tersebut oleh pegawai-pegawai defendan yang telah diberi kuasa.

[10] Menurut SP1 terdapat persetujuan antara plaintif dan defendan yang cek-cek tersebut hanya boleh ditunaikan selepas defendan tandatangan di belakang sebab dikeluarkan atas nama defendan. SD2 sahkan tanpa tandatangan pihak defendan cek-cek tidak dapat ditunaikan.

[11] SP1 mengatakan tandatangan oleh SD2 di belakang cek-cek tersebut mengesahkan bahawa defendan akui penerimaan wang atas nama defendan dan cek-cek tersebut telah ditunaikan.

[12] SP2 juga mengesahkan tandatangan oleh SD2 di belakang cek-cek tersebut menunujukkan bahawa defendan akui penerimaan wang atas nama defendan dan pada masa wang itu dikeluarkan, terdapat tiga orang lain dari defendan selain SP1.

[13] Menurut keterangan SD2 dalam permeriksaan utama, pada 7 Julai 2008 beliau ditugaskan untuk menerima wang gaji plaintif dari Maybank Labis ke ladang-ladang plaintif dan bertugas bersama Nor Aziz bin Budin ('SD3'), pembantu CIT (pengawal tanpa senjata) dan Abdul Halim bin Rahim ('SD4'), pegawai pengiring senjata api dan pada ketika kejadian telah memandu van perisai dan memegang senjata pistol. Menurut SD2 selepas SP1 telah memeriksa jumlah wang yang diberi oleh bank adalah betul, SD2 masukkan duit ke dalam karung; sembilan buah karung telah dimasukkan dalam dua beg besar dan satu karung tinggal. Beliau telah mengiringi SD3 yang mengambil satu beg besar dan membawa keluar ke van perisai. Apabila sampai di van, SD4 yang menunggu di sisi van membuka pintu sisi lalu SD3 masuk ke dalam untuk meletakkan beg dalam ruang simpanan dalam yang berkunci. Ketika itu, SD4 telah tutup pintu sisi van dan pintu itu kunci secara otomatik. Setelah selesai memasukkan beg dalam ruang simpanan dalam, SD3 mengetuk pintu untuk keluar dan SD4 buka pintu sisi dengan kunci dan selepas SD3 keluar, SD4 menutup pintu sisi sekali lagi. Kemudian SD2 dan SD3 masuk semula ke dalam bank.

[14] Sewaktu mengambil beg kedua, beliau dipanggil oleh penolong pengurus Maybank Labis untuk berbincang pengambilan wang dari Maybank Batu Pahat ke Maybank Labis dan beliau

telah meminta pengawal bank untuk mengiringi SD3 keluar. SP1 berada di sebelah beliau pada masa itu sambil memegang beg yang ketiga.

[15] Tiba-tiba beliau terdengar bunyi letupan. Beliau pergi ke arah pintu keluar dan buka pintu dan ternampak seorang lelaki bertopeng yang mengacu pistol ke semua arah dan SD4 ditawan oleh perompak yang lain. Beliau masuk balik ke dalam bank dan mengintip selepas lebih kurang tiga minit dan melihat SD4 berjalan masuk ke bank dan pihak polis pun sampai.

[16] SD2 dalam pemeriksaan balas menyatakan SD3 bertugas untuk memunggah karung dari van ke bank dan dia tidak membawa senjata. SD3 dalam pemeriksaan utama mengatakan pada 7 Julai 2008 setelah SP1 dan SD2 selesai mengira wang dan masukkan ke dalam karung, terdapat tiga beg untuk dibawa, dua beg besar dan satu beg kecil. Beliau mulanya membawa satu beg besar ke van defendan dengan diiringi oleh SD2 dan cara bagaimana wang disimpan dalam ruang simpanan dalam van seperti keterangan SD2. Kemudiannya beliau mengambil beg besar yang kedua dan keluar dari bank dengan diiringi oleh pegawai bersenjata bank. SD4 buka pintu sisi untuk beliau dan beliau buka ruang simpanan dalam; sebelum beliau sempat masukkan beg kedua dalam ruang simpanan dalam, mereka diserang oleh perompak. Dan ketika itu, SD4 belum sempat tutup pintu sisi.

[17] SP3, Jessinta Ann, Assistant Vice President Etiqa Insurance Bhd (berjawatan Penolong Pengurus di bahagian tuntutan insurans am pada ketika itu), menyatakan berikutan dengan satu kejadian rompakan dan kehilangan gaji pekerja-pekerja plaintif pada 7 Julai 2008, plaintif telah menuntut gantirugi wang sejumlah RM1,068,837.44 daripada Etiqa Insurance Bhd selaku penginsur kepada plaintif bawah Polisi No. G0023486. SP3 terangkan Etiqa Insurance Bhd telah mengarahkan insurans adjuster untuk melakukan siasatan berhubung kejadian rompakan yang telah menyebabkan kerugian/kehilangan wang tersebut di mana Etiqa Insurance Bhd hanya akan buat bayaran gantirugi di bawah polisi tersebut jika terbukti bahawa kehilangan wang tersebut adalah di dalam posesi plaintif. SP3 menyatakan tuntutan insurans plaintif ditolak atas dasar bahawa kehilangan wang tunai akibat kejadian rompakan telah berlaku ketika wang tunai tersebut dalam milikan pihak ketiga, defendan yang bukan merupakan privy kepada polisi

tersebut. Kedudukan penolakan tuntutan plaintif disahkan lagi oleh SP3 semasa pemeriksaan semula dengan surat Etiqa Insurance Bhd bertarikh 28 Ogos 2009 kepada plaintif (Ikatan B ms. 64-65) (dikemukakan di peringkat pemeriksaan utama).

[18] Bagi beg ketiga, SP2 dalam pemeriksaan balas menyatakan beg yang dicampak semasa beliau meniarap masih berada di bawah meja dan telah hantar kepada pegawai bank untuk mengira balik duit itu yang berangggaran RM108,000 dan dimasukkan ke dalam akaun plaintif dengan persetujuan SD2 sebab pegawai defendan dalam keadaan panik pada masa itu.

Sama Ada Defendan Bertanggungjawab Kepada Plaintif Bagi Kehilangan Wang Tersebut Di Bawah Suatu "Contract Of Bailment"

[19] Seterusnya adalah didapati bahawa defendan merupakan bailee kepada plaintif berpandukan ss. 101, 102, dan 104 Akta Kontrak 1950.

[20] Wang plaintif tersebut telah diberi kepada defendan dan oleh itu di bawah jagaan defendan sehingga ianya dihantar kepada destinasi yang ditetapkan.

[21] Wang plaintif telah diserahkan kepada defendan semasa cek-cek tersebut telah ditunaikan oleh pegawai defendan ataupun apabila pegawai defendan telah memunggah beg-beg yang mengandungi wang tersebut keluar dari bank ke van.

[22] Section 104 berbunyi:

> In all cases of bailment the bailee is bound to take as much care of the goods bailed to him as a man of ordinary prudence would, under similar circumstances, take of his own goods of the same bulk, quality, and value as the goods bailed.

[23] Saya dapati defendan telah gagal dan cuai dalam memastikan keselamatan wang tersebut apabila (i) SD4 (pemandu) yang bertugas pada 7 Julai 2008 telah keluar dari van dan merupakan pengawal yang bersenjata pada hari itu; (ii) SD2 telah melakukan tugas lain yang tidak berkaitan ia itu berbincang pengambilan wang dari Maybank Batu Pahat ke Maybank Labis dengan penolong pengurus Maybank Labis dan SD2 telah meminta pengawal bank untuk mengiringi SD3 ketika beg kedua dibawa keluar dari bank ke van.

[24] Dalam kes *Port Swettenham Authority v. TW Wu and Co (M) Sdn Bhd* [1975] 1 LNS 124; [1975] 2 MLJ 73, Mahkamah Persekutuan di ms. 77 C-D ruangan kiri mengatakan: A

> (1) In cases where the bailor and bailee relationship has been established all that the plaintiff has to do is to prove that he entrusted the goods to the defendant who could not deliver them on demand. It would then be for the defendant as bailee to show that the loss was not due to his negligence; B
>
> (2) In this case the learned judge was correct in holding that the appellants were negligent considering the circumstances under which the goods disappeared, the nature, bulk and weight of the goods and the system of security. C

[25] Walaupun peguam defendan yang bijaksana telah cuba membezakan *Jaya Jusco Stores Sdn Bhd v. Sime Darby Security Services Sdn Bhd & Ors* [1999] 1 LNS 175; [2000] 5 MLJ 107, saya berpendapat kes ini adalah relevan memandangkan kes itu melibatkan fakta seakan-akan sama dalam kes di hadapan mahkamah dan telah mengikuti prinsip yang dinyatakan dalam kes *Port Swettenham Authority*. D

E

[26] Dalam kes *Jaya Jusco Stores Sdn Bhd*, plaintif telah memasuki satu perjanjian dengan defendan 1 bagi perkhidmatan pengawal bersenjata. Dalam melaksanakan pemindahan wang tunai di salah sebuah daripada cawangan plaintif, defendan 2 hingga 5 telah dirompak. Dalam tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan bagi F jumlah wang yang dicuri atas dakwaan defendan 1 cuai, melanggar perjanjian antara mereka dan bahawa sebagai baili ganjaran, defendan 1 adalah bertanggungjawab terhadap kerugian yang dialami plaintif. Defendan-defendan menghujahkan bahawa mereka tidak boleh di pertanggungjawabkan memandangkan rompakan G telah dilakukan oleh pihak ketiga. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan sebagai baili-baili dan memutuskan:

> Di bawah Seksyen 104 dan Seksyen 105 Akta Kontrak, 1950 beban bukti adalah terletak pada baili untuk menunjukkan bahawa mereka telah menjaga dengan sebaik-baiknya barangan plaintif [dan] beban untuk menunjukkan bahawa tiada kecuaian adalah terletak pada baili di mana mereka diwajibkan mengemukakan keterangan untuk membebaskan daripada tuduhan tersebut. H

I

[27] Berdasarkan keterangan yang dirujukkan di atas (perenggan 4-8), saya mendapati bahawa plaintif telah atas imbangan kebarangkalian berjaya buktikan wang plaintif telah diserahkan kepada defendan dan di bawah kawalan defendan dan defendan telah gagal mengambil langkah-langkah yang perlu, munasabah dan berpatutan untuk melindungi wang plaintif daripada hilang serta defendan gagal menghantarnya ke destinasi yang dijanjikan. Oleh itu defendan adalah bertanggungjawab menunjukkan bahawa kehilangan wang tersebut bukanlah atas kecuaian defendan.

Sama Ada Prinsip *Res Ipsa Loquitor* Terpakai

[28] Prinsip *res ipsa loquitor* terpakai dalam kes ini sebab suatu kes '*prima facie*' telah dibuktikan oleh plaintif. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab defendan untuk membuktikan sebaliknya bahawa pihak defendan tidak cuai dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap plaintif dan bukan tanggungjawab plaintif untuk membuktikan bahawa elemen-elemen yang biasa perlu dibuktikan bagi tort kecuaian iaitu (i) "that the plaintiff was owed a duty by the defendant to take reasonable care", (ii) "that the defendant breached that duty"; (iii) "that the resultant breach caused the harm in question"; dan (iv) "that the plaintiff suffered damage that is not too remote" (rujuk *Teoh Guat Looi v. Ng Hong Guan* [1998] 4 CLJ 416; [1998] 4 MLJ 525 (Keputusan 1) (Mahkamah Rayuan) di ms. 526; *David Chelliah v. Monorail Malaysia Technology Sdn Bhd & Ors* [2009] 3 CLJ 771; [2009] MLJU 237). Justeru itu atas penemuan mahkamah bahawa prinsip *res ipsa loquitor* terpakai dalam kes ini, maka saya berpendapat bahawa hujahan pihak defendan bahawa plaintif telah gagal dalam membuktikan defendan telah cuai dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap plaintif adalah dengannya tidak relevan dan tidak bermerit.

[29] Lanjutan dari penemuan mahkamah di atas, adalah didapati bahawa defendan telah gagal menunjukkan ianya tidak cuai dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap plaintif atas sebab-sebab berikut. Pertamanya saya menggunapakai apa yang saya telah bincangkan di perenggan-perenggan 4 hingga 11.2 di atas.

[30] Pihak defendan telah berhujah bahawa (i) defendan secara kontrak hanya perlu menyediakan tiga pengawal; (ii) adalah mustahil bagi tiga orang pengawal defendan melaksanakan

perenggan 2.6(v) Arahan Tetap Pengendalian Cash In Transit (CIT) yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri; (iii) kenyataan Syed Ahmad Hata bin Syed Abd Hamid (SP5) bahawa "he was neither a trainer nor an expert in the field of CIT training) admitted that he did not know how three guards could cover all four positions ... and the arahan tetap were inconsistent. ..." dan "hanya adalah garis panduan bagi syarikat-syarikat sekuriti/kawalan"; (iv) tindakan SD4 dalam membuka pintu van untuk SD3 tidak menimbulkan isu memandangkan perbuatan itu tidak perlu dilakukan oleh seorang pengawal lain tetapi "merely an extension of standing guard next to the vehicle."

[31] Saya berpendapat bahawa hujahan pihak defendan tersebut tidak bermerit. Melalui SP5 adalah tertera bahawa terdapat arahan keluaran Kementerian Dalam Negeri ("KDN") berhubung CIT iaitu:

(i) Arahan tetap pengendalian cash in transit (CIT) (Ikatan C ms. 1-2) yang berkuat kuasa pada 11 November 2002;

(ii) Terdapat manual latihan cash in transit (CIT) keluaran KDN bersama Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia ("PPKKM") (Ikatan C ms. 31-99) di mana di ms. 32 dinyatakan "(Manual) latihan ini untuk industri Perkhidmatan Kawalan Keselamatan" dan menurut SP5 PPKKM ialah badan untuk menyatukan semua syarikat kawalan keselamatan di Malaysia; dan

(iii) Struktur Kurikulum Cash In Transit (CIT) (Ikatan C ms. 3-30) yang dikeluarkan oleh KDN yang menjelaskan sebarang Standard Operating Procedure ("SOP").

Menurut SP5, SOP patut dipatuti oleh semua syarikat keselamatan dan apabila seorang pengawal dilantik selepas melulus tapisan rekod polis, ia perlu menjalani latihan CIT, SOP dan senjata api dan latihan perlu diperbaharui setiap enam bulan atau setahun.

[32] Saya berpendapat kenyataan SP5 yang arahan tetap "hanya adalah garis panduan bagi syarikat-syarikat sekuriti/kawalan" tidak harus diterima memandangkan keterangan lisan itu bercanggah dengan keterangan dokumentari "comtemporaneous" iaitu, kenyataan surat KDN bertarikh 8 November 2002 yang ditujukan kepada "semua syarikat kawalan keselamatan" dan diperuntukkan di perenggan 1:

A Adalah dimaklumkan bahawa berkuatkuasa mulai 11 November 2002, semua syarikat-syarikat kawasan keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri **adalah dikehendaki** mematuhi dan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti di bawah bagi segala urusan berhubung dengan CIT.
(penekanan ditambah)

B

[33] Selain dari isu berkenaan percanggahan yang saya telah terangkan, saya dapati SP5 seorang yang berpengalaman dalam perkhidmatan CIT memandangkan beliau berupaya untuk menjelaskan penggunaan arahan tetap pengendalian cash in transit
C (CIT) dan sebelum menjawat sebagai pengurus cawangan kerja administration Syarikat Safeguards, beliau telah berkhidmat sebagai pengawal keselamatan lebih kurang 12 tahun. Menurut SP5, (i) mengikut arahan tetap pengendalian cash in transit (CIT) (Ikatan C ms. 1-2) perenggan (v), pemandu mestilah sentiasa
D berada di dalam van dan bersiap sedia di lokasi pemandu untuk bersiap sedia sekiranya ada apa-apa berlaku dan pemandu tidak di kehendaki turun dan membantu mengangkat, (ii) perkara ini dinyatakan juga di perenggan 1.2.1.4 subperenggan (b) Manual dan di perenggan 1.2.1.5 pemandu menutup kunci van daripada
E dalam dan tidak dibenarkan untuk meninggalkan kenderaan dalam apa jua keadaan "sebab sekiranya berlaku rompakan, atas arahan pegawai CIT mengarahkan pemandu melarikan van tersebut ke balai polis yang berdekatan."

F **[34]** Berpandukan keterangan yang dikemukakan, keduanya saya terima hujahan pihak defendan iaitu:

(a) Bahawa pemandu bertugas pada hari tersebut iaitu Encik Abdul Halim Bin Rahim [SD4] yang sepatutnya perlu berada di dalam van pada setiap masa telah keluar daripada van
G tersebut yang mana kalau beliau senantiasa sedia memandu dalam van maka beliau boleh melarikan van semasa rompakan mula berlaku. Atas kegagalan dan kecuaian ini maka perompak boleh melakukan rompakan tersebut;

(b) Bahawa pemandu bertugas pada hari tersebut telah diberi
H tugas yang bertindih iaitu selain pemandu bertugas, beliau juga dilantik sebagai seorang pengawal bersenjata dan juga sebagai pegawai untuk membuka pintu sisi van dan oleh yang demikian kawalan yang sebaik mungkin tidak diberikan oleh Defendan.

I

[35] Pihak defendan juga berhujah walaupun SD2, Sapri tidak mengiringi wang pada kali kedua, namun beliau telah meminta pengawal bank yang bersenjata untuk mengiringi SD3 dan rujukan dibuat kepada pernyataan pengawal tersebut di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah (ms. 51 Ikatan B) "tiba-tiba saya dengar bunyi tembakan, saya pandang kiri dan nampak dua orang bertopeng sambil memegang pistol ke arah saya dan terus melepaskan berapa tembakan tetapi tidak kena kepada saya."

[36] Ketiganya, dengan hormatnya saya dapati hujahan defendan tidak bermerit. Saya terima hujahan plaintif:

> Bahawa ketua pasukan CIT pada hari tersebut iaitu Encik Sapri Bin Mustakim [SD2] tidak berada di tempat rompakan semasa rompakan berlaku kerana beliau sedang pada masa itu sedang berbincang dalam Bank dengan pegawai Bank untuk pengangkutan wang yang lain yang tidak ada kena-mengena dengan tugas beliau pada masa itu. Jikalau Encik Sapri mengikuti dan mengawal wang tersebut maka beliau boleh memantau dan menghindari rompakan tersebut daripada berlaku.

[37] Lebihan lagi, pada pandangan saya, pihak plaintif tidak boleh bergantung kepada pernyataan pengawal tersebut di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah memandangkan pengawal tersebut tidak dipanggil sebagai saksi dan pernyataan itu bukan merupakan keterangan di mahkamah.

[38] Pihak defendan berhujah bahawa kejadian yang berlaku menunjukkan bahawa keadaan bukan di dalam pengawal defendan dan hujahan plaintif bahawa "the inner door of the van was opened only after the outer door was closed, is entirely speculative given that the robbers were armed and had forcefully overpowered Halim, had shot at the bank's guard and chased Nor Aziz. Furthermore, one of the other robbers pointed a gun towards the entrance of the bank where Sapri was."

[39] Keempatnya, dengan hormatnya saya dapati hujahan defendan tidak bermerit. Saya mengulangi apa yang saya nyatakan bahawa keterangan pengawal bank defendan tidak boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah.

[40] Mengikut keterangan SD4 dalam pemeriksaan balas bahawa pada masa SD3 berdiri di hadapan pintu sisi van, pintu sisi van terbuka dan pintu simpanan dalam juga terbuka; beliau bersetuju

dengan cadangan peguam plaintif bahawa adalah amalan biasa bahawa pintu simpanan dalam hanya boleh dibuka semasa pintu sisi van telah ditutup dan mengaku bahawa sebagai seorang pemandu, beliau tidak patut keluar dari van. Oleh demikian ini saya bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa:

> Peti Simpanan di dalam van yang sepatutnya ditutup semasa pintu sisi van masih terbuka memudahkan untuk perompak-perompak merompak wang tersebut.

Sama Ada Klausa 4.2 Dalam Perjanjian Tersebut Antara Plaintif Dan Defendan Terpakai

[41] Bagi menyenangkan rujukan kepada bahagian yang matan (material part) kl. 4.1 dan 4.2 perjanjian tersebut disalinkan:

> (i) 4.1 Subject as otherwise provided in this Agreement, the Company shall indemnify the Customer during any period of the Company's responsibility against loss or damage to the Valuables only of the Customer by reason of any act or neglect of the servants or agents of the Company whilst performing their duties within the scope of their employment Provided that the Company shall be under no liability whatsoever in respect of:
>
> 4.1.1 any consequential or indirect loss suffered by the Customer by reason of any negligence of the Company or any act neglect or dishonesty of or theft by the servants or agents of the Company.
>
> (ii) 4.2 The Company further declares and the Customer hereby further agrees that the Company shall not be liable for any damages whatsoever arising from the failure of the Company to start, carry out or complete the said Service by reason of any Act of God, fire, flood, enemy act, hostilities or warlike operation, (whether war be declared or not), civil or military uprising or rebellion, riot, strike, lockout or other labour disputes, Bank Negara, federal state or local government or any other statutory board's directives regulations for the time being in force, mechanical breakdown, obstruction of any public or private road, ionization, radiation or contamination by radioactivity from any nuclear or radioactive material or from any nuclear or radioactive waste or from combustion of nuclear or radioactive

material, or any other circumstances (whether or not of a similar nature to the foregoing) over which the Company has no control (hereinafter referred to as "the excepted risks").

[42] Klausa 4.2 dalam perjanjian tersebut antara plaintif dan defendan tidak terpakai kerana saya dapati rompakan tersebut bukanlah suatu keadaan di mana defendan tidak dapat mengawal (over which the company has no control) atau "excepted risks". Oleh itu memandangkan penemuan Mahkamah ialah defendan telah cuai dalam melaksanakan kewajipannya, maka di bawah kl. 4.1 perjanjian tersebut, defendan harus "indemnify" plaintif.

[43] Pihak-pihak telah bersetuju bahawa defendan menyediakan perkhidmatan keselamatan bagi plaintif for "valuables (cash) in transit" seperti di Schedule B dan defendan bersetuju "to accept the customer's (plaintiff) request for the consideration and under the terms and conditions hereinafter appearing and as set out in Schedules A, B & C which are to be read in conjuction with each other." (rujuk preamble kedua kepada perjanjian tersebut).

[44] Klausa 2.1, 2.2, 2.2.1 dan 2.4 dan Schedule C perjanjian tersebut adalah terpakai. Peruntukan berkenaan berbunyi:

(i) 2.1 The Company's obligations are to provide the said Services as stated in Schedule B subject to the provisions of this agreement.

(ii) 2.2 The Company shall subject to the limit stated in Schedule C herein:

2.2.1 indemnify the Customer (subject to the provision herein) during any period of the Company's responsibility against loss or damage to the Valuables proved to be caused by the negligence of the Company or theft or dishonesty by the Company's servants or agents Provided that in the case of loss or damage due to the theft or dishonesty by the servants or agents of the Company, such servants or agents shall have been convicted under the Penal Code (under any of the Sections *viz*. 378, 381, 403, 405, 408, 415, 416, 418, 420). In any event, the liability of the Company for any such loss or damage

(whether due to its negligence or dishonesty or theft by the Company's servants or agents) shall be limited to the maximum sum of money as stipulated in Schedule C in any period of Twenty-four (24) hours calculated from midnight to midnight, provided the provision as to the claim shall have been complied with by the Customers.

(iii) 2.4 In providing the said Services, if it involves the Company in the carriage or custody of the Valuables with total value of the consignment, in excess of the maximum liability as stipulated in Schedule C, then regardless of whether the Valuables are to be transported or held in custody in bags, boxes or other portable containers filled by the Customer or by any third party, the Company's total liability per consignment shall be limited to the maximum sum of money as stated in Schedule C.

[45] Berpandukan peruntukan kesemua klausa tersebut, saya berpendapat had bagi liabiliti defendan ialah RM1,000,000.